

UM 30 SEP 2002

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memaafkan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang tersalah cakap dengan mengatakan beliau tidak tahu membaca al-Quran.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menasihatkan al-Mursyid al-Am Pas itu mengurangkan bercakap dan berfikir terlebih dahulu sebelum mengeluarkan kenyataan.

“Saya maafkan. Bukan saja ma-

# Saya maafkan Nik Aziz — Dr. Mahathir

af, saya ampunkan dia,” katanya kepada pemberita sekembalinya dari menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) ke-4 di Copenhagen, Denmark serta lawatan peribadi ke Eropah, di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang, dekat sini hari ini.

Beliau mengulas kesediaan Nik Aziz untuk memohon maaf selepas mengaku kesilapannya menuduh Dr. Mahathir tidak tahu membaca al-Quran.

Menurut Menteri Besar Kelan-

tan itu, permohonan maaf kepada Perdana Menteri akan dibuat semasa berceramah kerana kesalahan tersebut dilakukan dalam keadaan tersebut.

## ● Nik Aziz masih belum tunaikan janji — Muka 5

Nik Aziz menjelaskan, keadaan tubuhnya yang tidak stabil ketika berceramah telah mengakibatkan beliau tersalah cakap apabila mengatakan Dr. Mahathir tidak tahu membaca al-Quran.

Beliau memberitahu, apa yang

hendak dikatakannya ialah Perdana Menteri tidak tahu berbahasa Arab.

Ekoran daripada penjelasan Nik Aziz itu, pelbagai pihak termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendesak beliau memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, Nik Aziz sebenarnya tidak begitu mahir berbahasa Arab.

“Dia pun tidak berapa fasih berbahasa Arab. Dia cakap bahasa Urdu bolehlah,” katanya berseloroh.

Ditanya sama ada Menteri Besar Kelantan itu perlu mengurangkan percakapan bagi mengelak melakukan kesilapan, Dr. Mahathir berkata: “Boleh juga. Kalau kita tak bercakap, orang tak tahu kita tak tahu.”

Menurutnya lagi, keterlanjuran Nik Aziz itu akan menyebabkan ‘rahsia’ seseorang itu akan terbongkar.

“Yalah, kalau orang tak cakap mungkin orang tak tahu kita tak tahu (berbahasa Arab),” katanya sambil ketawa.